

MAHATHIR - PAS

JITRA, 12 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MASANYA SUDAH TIBA BAGI ANGGOTA PAS MENYUARAKAN DENGAN BERANI PENYELEWENGAN YANG DILAKUKAN OLEH PEMIMPIN MEREKA DAN KELUAR DARIPADA PARTI ITU BERAMAI-RAMAI.

MENURUTNYA, RAMAI PENGIKUT PAS TELAH SEDAR PARTI ITU TELAH DISALAH PIMPIN OLEH MEREKA YANG BERKEPENTINGAN DIRI TETAPI +MASIH MALU-MALU UNTUK MENYERTAI UMNO+.

+PENYELEWENGAN MEREKA SEMAKIN LAMA SEMAKIN KETARA DAN PAS TIDAK LAGI BERPEGANG KEPADA UNSUR-UNSUR ISLAM,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI SINI HARI INI.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO DAN KETUA BAHAGIAN UMNO KUBANG PASU, BERKATA, WALAUPUN PAS CUBA MELETAKKAN DIRINYA SEBAGAI JAGUH UNTUK MENEGAKKAN PERJUANGAN ISLAM DI KELANTAN, TETAPI BELIAU PERCAYA TIDAK LAMA LAGI RAKYAT AKAN DAPAT MELIHAT TINDAKAN PARTI ITU MEMBELAKANGKAN JANJI-JANJI YANG DIBUATNYA SEBELUM INI.

BELIAU JUGA YAKIN KERJASAMA ANTARA PARTI-PARTI PEMBANGKANG TIDAK AKAN DAPAT DITERUSKAN SECARA BAIK KERANA KERJASAMA ITU CUMA DIWUJUDKAN UNTUK KEPENTINGAN PILIHAN RAYA SEMATA-MATA. -- LAGI
1623MST 12 11 90

D727

U B571 AAB
MAHATHIR - PAS 2 JITRA

+HARI INI KITA TENGOK BAGAIMANA KERAJAAN NEGERI KELANTAN DIBOLOT OLEH PAS...DI KELANTAN, (PARTI SEMANGAT) 46 TIDAK DIBERI TEMPAT SEHINGGA MEREKA MENANGIS, BERHEMPAS-PULAS MEMINTA JAWATAN TIMBALAN MENTERI BESAR.

+JIKA TIDAK DENGAN CAMPURTANGAN ISTANA DALAM MENENTUKAN PERLANTIKAN 46 INI, MAKA 46 TIDAK DAPAT TEMPAT SEBAGAI TIMBALAN MENTERI BESAR YANG KEDUA. INI MENUNJUKKAN BAHAWA KERJASAMA TIDAK WUJUD ANTARA MEREKA,+ KATA BELIAU.

SELAIN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMPELAWA ANGGOTA PARTI SEMANGAT 46 DAN KUMPULAN CERDIK PANDAI MELAYU YANG BELUM MENYERTAI UMNO SUPAYA BERBUAT DEMIKIAN.

KEPADA ANGGOTA SEMANGAT 46 YANG INGIN MENYERTAI UMNO, BELIAU MENGINGATKAN MEREKA SUPAYA TIDAK MELETAKKAN SEBARANG SYARAT SEPERTI MEMINTA JAWATAN TERTENTU.

SEKIRANYA MEREKA MAHU MEMEGANG SEBARANG JAWATAN, MEREKA HENDAKLAH MELALUI PROSES BIASA PEMILIHAN PARTI.

BELIAU BERKATA UMNO BERHARAP DAPAT MENAMBAH ANGGOTA SEHINGGA MELEBIHI DUA JUTA ORANG. -- LAGI
1625MST 12 11 90

D728

U B572 AAB
MAHATHIR - PAS 3 JITRA

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA, BELIAU BERKATA, UMNO AKAN MENGADAKAN KURSUS-KURSUS UNTUK ANGGOTA BARU UMNO AGAR MEREKA MEMAHAMI MATLAMAT DAN PERJUANGAN PARTI.

KURSUS ITU AKAN DIADAKAN PADA SEPANJANG MASA DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO JUGA AKAN DIKEHENDAKI MENGIKUTI KURSUS-KURSUS TERSEBUT.

KETIKA DITANYA SAMA ADA KERAJAAN AKAN MELANTIK SETIAUSAHA PERSEKUTUAN DI KELANTAN SEPERTI DI SABAH DAN SARAWAK, BELIAU BERKATA, KERAJAAN TIDAK BERCADANG UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KERAJAAN AKAN MELANTIK BEBERAPA PEGAWAI UNTUK MEMPENGERUSIKAN JAWATANKUASA TERTENTU DI KELANTAN BERDASARKAN KEPADA KEPERLUAN.

PERDANA MENTERI BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PETANG INI. --